

CAJ TAMBAHAN ITEM PRABAYAR POS LAJU YANG MELEBIHI HAD BERAT

Pelanggan yang dihormati,

Pos Laju memohon kerjasama anda yang menggunakan produk Prabayar Pos Laju untuk mematuhi had berat yang dibenarkan seperti yang tertera pada produk prabayar tersebut.

Mulai **1 Oktober 2015**, semua pengeposan yang dibuat menggunakan produk Prabayar Pos Laju akan dikenakan caj tambahan sekiranya berat item tersebut melebihi had berat yang dibenarkan.

Soalan Lazim

1. Adakah produk Prabayar Pos Laju mempunyai berat maksimum yang telah ditetapkan?

Ya, produk Prabayar Pos Laju mempunyai berat maksimum yang telah ditetapkan mengikut saiz berikut:

Kotak Prabayar S : 2kg Sampul Prabayar S : 500gm
Kotak Prabayar M : 5kg Sampul Prabayar L : 1kg
Kotak Prabayar L : 10kg

2. Apakah yang akan berlaku sekiranya pengirim mengeposkan item Prabayar Pos Laju melebihi berat maksimum yang ditetapkan?

Pengirim akan dikenakan caj tambahan bagi lebih berat item Prabayar Pos Laju.

3. Bilakah tarikh berkuatkuasa pengirim akan dikenakan caj tambahan bagi lebih berat sekiranya didapati item Prabayar Pos Laju melebihi berat maksimum yang ditetapkan?

Caj tambahan bagi lebih berat akan dikenakan kepada pengirim berkuatkuasa 1 Oktober 2015.

4. Berapakah caj tambahan yang akan dikenakan bagi lebih berat item Prabayar Pos Laju?

Caj tambahan bagi lebih berat item Prabayar Pos Laju adalah seperti berikut:

Prabayar Pos Laju Oren	Dalam Semenanjung Dalam Sabah Dalam Sarawak	RM3.18 bagi setiap lebihan 1kg atau sebahagian daripadanya
Prabayar Pos Laju Biru	Semenanjung ke Sabah Semenanjung ke Sarawak Sabah ke Sarawak	RM7.42 bagi setiap lebihan 1kg atau sebahagian daripadanya

*Caj tambahan adalah termasuk 6% GST dan sebelum mekanisma penggenapan

5. Apakah kaedah pembayaran yang dikenakan?

Kaedah bayaran adalah secara tunai.

6. Bagaimana caranya untuk mengetahui item Prabayar Pos Laju yang dipos mempunyai berat melebihi had?

Pengirim boleh menimbang berat item Prabayar Pos Laju menggunakan mesin penimbang yang disediakan di ruang pelanggan di kaunter Pusat Pos Laju dan Pejabat Pos. Seterusnya pengirim boleh membuat bayaran caj tambahan bagi lebih berat tersebut di kaunter semasa membuat pengeposan.

7. Bagaimana jika item Prabayar Pos Laju telah dibuat pengeposan tanpa ditimbang terlebih dahulu?

Pihak Pos Laju akan menghubungi pengirim untuk maklumkan mengenai lebih berat dan caj tambahan yang akan dikenakan.

8. Berapa lamakah tempoh bayaran perlu dibuat oleh pengirim setelah dimaklumkan mengenai caj tambahan bagi lebih berat yang perlu dibayar?

Pengirim perlu membuat pembayaran caj tambahan bagi lebih berat dalam tempoh menunggu selama 2 hari bekerja selepas beliau dihubungi oleh pihak Pos Laju.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya dikenakan caj tambahan bagi lebih berat?

Pengirim perlu hadir ke Pusat Pos Laju untuk membuat pembayaran dan inbois cukai berpelekat akan ditampal pada item Prabayar berkenaan sebagai bukti pembayaran telah dibuat.

10. Bolehkah pengirim membuat pembayaran caj tambahan bagi lebih berat di mana-mana Pusat Pos Laju / Pejabat Pos atau wakil ajen Pos Laju?

Tidak boleh. Pembayaran caj tambahan bagi lebih berat hanya boleh dibuat di cawangan Pos Laju yang menghubungi pengirim tersebut sahaja.

11. Apakah yang akan berlaku pada item Prabayar Pos Laju dalam tempoh menunggu sehingga bayaran lebih dijelaskan?

Item Prabayar Pos Laju kemungkinan akan lewat sampai kepada penerima kerana Pos Laju hanya akan meneruskan proses penghantaran ke destinasi penerima selepas bayaran caj tambahan dibayar sepenuhnya.

12. Adakah Pos Laju hanya menghubungi pihak pengirim sahaja?

Harap maklum bahawa pengeposan adalah di atas tanggungjawab pengirim dan pihak kami hanya akan menghubungi pihak pengirim untuk memaklumkan mengenai pengeposan Prabayar melebihi had berat yang ditetapkan. Oleh itu, untuk mengelakkan sebarang kesulitan pada item Prabayar Pos Laju, pengirim dinasihatkan untuk mengisi maklumat pengirim dengan lengkap termasuk nombor telefon di dalam Nota Konsainan Domestik.

13. Adakah Pos Laju akan membayar pampasan kepada pengirim ke atas kelewatan serahan atau item Prabayar Pos Laju yang tidak dibuat serahan?

PosLaju tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan serahan, kerosakan isi kandungan atau item yang tidak dipulangkan / tidak diteruskan serahan kepada pengirim sekiranya ia berpunca daripada kegagalan pihak pengirim.